



Pertanyaan daripada:

**Lebai Yusuf bin Abu Bakar,  
Kampung Awah – Temerloh – Pahang.**

Bagaimana mula terciptanya kalimah “azan atau bang” itu, adakah kalimah-kalimah azan yang meruntun jiwa orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasul-Nya itu digubah oleh Rasulullah sendiri ataupun ianya wahyu yang diturunkan Tuhan, seperti al-Qur’ān. Adakah lafaz-lafaz azan itu sebahagian daripada kandungan al-Qur’ān?

**Jawab**

Azan adalah sebagai suatu tanda bagaimana besarnya perhatian umat Islam kepada sembahyang lima waktu. Sembahyang adalah sebagai tiang agama. Oleh itu ibadah sembahyang mestilah diutamakan dan wajib ditunaikan oleh setiap manusia yang ia itu mengaku sebagai seorang Muslim.

Oleh sebab itu Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pada hari pertama baginda sampai ke Madinah sangat mengambil berat memikirkan dengan cara bagaimana yang lebih baik memanggil orang-orang Islam berkumpul untuk menunaikan ibadah sembahyang itu.

Ada di antara para sahabat yang mengusulkan supaya memanggil orang mengerjakan ibadah sembahyang itu dengan membunyikan trumpet yang diperbuat daripada tanduk atau logam. Kebetulan orang-orang Yahudi mempunyai tradisi

memanggil jemaahnya sembahyang di gereja dengan membunyikan trumpet. Rasulullah dari sejak dahulu lagi memang tidak suka meniru-niru cara lain-lain agama melakukan ibadah, supaya tidak akan mengelirukan orang-orang kemudian dan supaya ibadah yang dilakukan oleh orang-orang Islam benar-benar berbentuk keislaman yang tulen sejati.

Kemudian ada pula para sahabat yang mengusulkan memanggil orang-orang sembahyang dengan memukul suatu kayu panjang yang ditebuk pada bahagian pertengahannya merupakan kantung-kantung yang biasa dipakai oleh masjid-masjid dan surau-surau di kampung-kampung seluruh tanah air kita hingga ke hari ini. Kantung-kantung itu hendaklah dipukul pada tiap-tiap kali masuk waktu sembahyang. Usul ini pun ditolak oleh Rasulullah, sebab alat tersebut adalah menyerupai alat yang dipakai oleh orang Nasrani di dalam menjalankan upacara-upacara agama mereka pada zaman itu.

Akhirnya datang pula suatu usul baru daripada para sahabat supaya dinaikkan sahaja semacam bendera di atas bumbung masjid sebagai menandakan waktu sembahyang telah masuk. Tetapi usul ini tidak diterima oleh Rasulullah kerana bilangan orang yang melihat bendera itu dinaikkan hanya sedikit. Orang-orang yang tinggal jauh dari masjid, orang-orang yang terlupa atau tertidur tidak dapat

menolong mereka untuk memberitahu waktu sembahyang telah tiba.

Kemudian ada pula sebahagian sahabat yang lain mencadangkan supaya diadakan satu “badan penyeru” yang mana anggota-anggota “badan penyeru” yang telah dilantik itu pergi ke rumah-rumah orang-orang Islam memberitahu waktu sembahyang telah masuk dan memanggil mereka keluar ke masjid untuk bersembahyang jemaah bersama-sama Rasulullah. Cadangan ini diterima oleh Rasulullah pada dasarnya, sementara belum dapat jalan yang lain. Tetapi penyeruan ini hendaklah dijalankan dengan secara undangan biasa dengan menggunakan perkataan-perkataan biasa seperti seorang mengundang ke majlis-majlis jemputan kahwin, tidak boleh dengan paksaan. Cara ini tidak pernah dilakukan oleh lain-lain agama.

Tetapi lama-kelamaan disebabkan bertambah banyaknya bilangan orang-orang Islam, dan yang bertugas menjalankan seruan itu berkehendakkan suatu bilangan yang banyak pula. Mereka terpaksa berjalan jauh memasuki daerah-daerah tertentu. Cara ini adalah menyusahkan mereka-mereka yang diserahkan tugas-tugas tersebut. Tetapi sebelum suatu cara baru dapat diadakan, maka cara-cara yang lama ini terpaksa dijalankan juga.

Di antara para sahabat yang bertugas melakukan pekerjaan menyeru dari rumah ke rumah itu termasuklah ‘Abd Allāh bin Zayd al-Anṣārī, seorang pemuda Madinah yang dadanya dipenuhi oleh semangat keislaman.

Dengan pertolongan Allah yang hendak meringankan bebanan tugas yang dipikul oleh anggota-anggota “badan penyeru” itu, maka pada suatu malam ‘Abd Allāh bin

## 1001 Masalah

Zayd al-Anṣārī bermimpi melihat ada seorang datang menemuinya. Orang itu berkata kepadanya. “Mahukah engkau supaya saya ajarkan beberapa kalimah yang dapat engkau pergunakan untuk menyeru orang ramai datang berkumpul mengerjakan sembahyang?”

“Baiklah!” jawab ‘Abd Allāh bin Zayd. Maka orang itu berujar: “Katakanlah!”:

*Allāhu akbar, Allāhu akbar.*

*Allāhu akbar, Allāhu akbar.*

*Ashhadu an lā ilāha illā Allāh.*

*Ashhadu an lā ilāha illā Allāh.*

*Ashhadu anna Muḥammadan rasūlu Allāh.*

*Ashhadu anna Muḥammadan rasūlu Allāh.*

*Ḥayya ‘alā al-ṣalāh.*

*Ḥayya ‘alā al-ṣalāh.*

*Ḥayya ‘alā al-falāh.*

*Ḥayya ‘alā al-falāh.*

*Allāhu akbar, Allāhu akbar.*

*Lā ilāha illā Allāh.*

Setelah itu orang tersebut pun lenyap daripada pandangan ‘Abd Allāh bin Zayd di dalam mimpinya itu. Selepas itu ‘Abd Allāh bin Zayd pun terjaga serta teringat kepada segala peristiwa yang terjadi di dalam mimpinya, lafaz-lafaz azan yang diajarkan oleh orang yang menjelma di dalam mimpinya, lafaz-lafaz azan yang diajarkan oleh orang yang menjelma di dalam mimpinya itu juga masih teringat olehnya. Mimpi tersebut mempengaruhi fikirannya dan lafaz-lafaz azan itu meresap ke dalam jiwanya. Pada malam itu juga ia pun terus pergi mengadap Rasulullah dan menceritakan segala peristiwa yang dilihat dan didengarnya di dalam mimpinya tadi. Maka sahut Rasulullah: “Itu adalah mimpi yang Sebenarnya”.

Kemudian pada malam itu juga Rasulullah memerintahkan memanggil Bilāl bin Rabāh menyuruh ‘Abd Allāh bin Zayd mengajarnya lafaz-lafaz azan yang telah didapatinya di dalam mimpi itu, sebab suara Bilāl lebih merdu dan lebih nyaring daripada suara ‘Abd Allāh bin Zayd.

Selain daripada ‘Abd Allāh bin Zayd, pada malam itu Saiyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb juga bermimpi seperti tersebut. Tetapi kerana hari telah jauh malam ia mengambil keputusan akan menyampaikan hal itu kepada Rasulullah pada esok harinya. Akan tetapi pada waktu subuhnya ia telah mendengar lafaz-lafaz yang didengarnya di dalam mimpinya itu dilaungkan oleh Bilāl bin Rabāh memanggil orang menunaikan sembahyang Subuh. Setelah ia bertemu dengan Rasulullah, maka tahulah ia bahawa lafaz-lafaz azan tersebut adalah datangnya daripada Tuhan yang Maha Esa.

Oleh Bilāl bin Rabāh sendiri, lafaz azan sembahyang Subuh ditambahnya satu jumlah kata sebelum yang akhir sekali dengan lafaz: “*Al-ṣalātu khayrun mina al-nawm*” (Sembahyang itu lebih baik daripada tidur) dua kali dengan tidak dibantah oleh Rasulullah. Tegasnya lafaz-lafaz azan yang telah digunakan oleh orang-orang Islam dari sejak zaman Rasulullah hingga ke hari ini, seterusnya hingga ke Hari Kiamat adalah dipandang oleh para ulama sebagai suatu pengajaran secara langsung dari Tuhan yang telah dipersetujui oleh Rasulullah dijadikan lafaz seruan bagi memanggil kaum Muslimin menunaikan ibadah sembahyang. Inilah azan yang pertama di dalam Islam.

Nyata sekali bahawa lafaz-lafaz azan itu tidak termasuk di dalam kandungan ayat-ayat al-Qur’ān. Lantaran ia bukan menyerupakan sebuah wahyu yang diturunkan Allah kepada rasul-Nya melalui Malaikat Jibrā’īl. Lafaz-lafaz azan itu hanya didapati daripada mimpi beberapa orang sahabat. Jadi lafaz-lafaz atau perkataan-perkataan yang diterima melalui mimpi itu tidaklah dinamakan wahyu yang termasuk di dalam ayat-ayat al-Qur’ān.

Sekalian mudah-mudahan jawapan yang serba ringkas ini akan memuaskan pihak yang bertanya.

**Abu al-Mokhtar.**

sudah siap

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah II

**RAHSIA  
TERBUKA**

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah III

**MENJINAKKAN**

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.